

Soalan 27 berdasarkan gambar di bawah ini.



27. Puan Laili _____ apabila melihat barang kemas yang cantik-cantik di kedai emas itu.
- A putih mata
 - B sakit mata
 - C mata duitan
 - D rambang mata

Soalan 28 hingga 34

Pilih peribahasa yang sesuai untuk mengisi tempat kosong.

28. Encik Naresh sering menerima pujian daripada majikannya kerana tingkah lakunya yang baik dan sikapnya yang sentiasa tenang. Sikap Encik Naresh ini samalah seperti _____.
- A isi dengan kuku
 - B air di dalam kolam
 - C kumbang putus tali
 - D air digenggam tidak akan tiris
29. Pemuda itu tidak pernah menziarahi ayah dan ibu angkatnya yang telah memeliharanya sejak kecil hingga dewasa. Keadaan ini dilbaratkan _____.
- A bagai tikus membaiki labu
 - B seperti kera mendapat bunga
 - C seperti kacang melupakan kulit
 - D bagai menatang minyak yang penuh
30. Chin Seng kelihatan gelisah apabila guru disiplin hendak membuat pemeriksaan mengejut terhadap beg sekolah murid. Keadaan Chin Seng dikatakan _____.
- A seperti itik pulang petang
 - B seperti cacing kepanasan
 - C seperti cicak makan kapur
 - D seperti rusa masuk kampung